

MAU'IZAH REMAJA DALAM NOVEL SATU BULAN TIGA BINTANG

KARYA UMMU HANI ABU HASSAN

Kamariah Kamarudin¹
Universiti Putra Malaysia

ABSTRAK

Berdasarkan perspektif Islam, terdapat beberapa usaha yang dijalankan untuk membentuk keperibadian anak muda. Salah satu daripadanya konsep mau'izah, iaitu usaha nasihat dan menasihati, usaha sentiasa pesan dan memesan ke arah kebaikan, kebenaran dan kesabaran. Konsep mau'izah yang digambarkan dalam Islam ini merupakan tunjang dalam pendidikan khususnya bagi membentuk sahsiah diri golongan remaja kepada nilai-nilai murni. Didapati bahawa mau'izah berguna bukan sahaja dalam pembinaan jiwa anak muda bahkan dalam proses menghidangkan bahan bacaan yang bermanfaat dalam masyarakat. Sejajar dengan itu, karya sastera khasnya novel remaja merupakan bahan bacaan yang berupaya membentuk perilaku dan sahsiah anak muda. Justeru, kajian ini merungkai mau'izah remaja dalam novel Satu Bulan Tiga Bintang karya Ummu Hani Abu Hassan bagi memperlihat sejauh mana usaha menasihati dan berpesan kepada kebaikan dan kebenaran ditampilkan pengarang kepada pembaca. Berdasarkan kajian ini jelas memperlihatkan bahawa konsep mau'izah dikemukakan pengarang dengan tujuan untuk membangunkan keperibadian remaja yang unggul mengikut garis panduan Islam dalam arus kemodenan dan teknologi hari ini. Menerusi usaha menasihati dan berpesan kepada kebaikan, kebenaran dan kesabaran telah menjadikan konsep mau'izah sebagai syarat utama dalam pembangunan manusiawi dan pembugaran insani.

Kata Kunci: *Mau'izah, Remaja, Satu Bulan Tiga Bintang, Ummu Hani Abu Hassan*

PENDAHULUAN

Secara umumnya dapatlah dikatakan bahawa hubungan antara pengarang, karya dan khalayak amat dituntut dalam merealisasikan keharmonian dalam arus kehidupan hari ini. Sementelahan pula banyak isu yang melibatkan anak muda ekoran daripada kurangnya perhatian, bimbingan, pengawasan, asuhan dan kasih-sayang yang ditawarkan kepada golongan remaja. Hal ini menyebabkan masalah sosial makin ketara dan punahnya institusi pendidikan dan kekeluargaan lantaran pergolatan yang dihadapi anak muda dalam pelbagai masalah dalam masyarakat. Oleh itu, usaha yang dilakukan pengarang dalam membawa perutusan yang baik dalam karya sastera merupakan salah satu upaya yang dapat membentuk keperibadian dan sahsiah mereka. Namun begitu, timbul persoalan karya yang bagaimana sepatutnya dihidangkan kepada pembaca generasi muda ini? Adakah dengan mengemukakan isu dan persoalan cinta antara teruna dan dara sebagai bumbu, menampilkan bahasa dan gayabahasa yang kesat dan kasar dengan dominan,

¹ Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia,
43400 Serdang, Selangor Darul Ehsan. kkamaria@upm.edu.my

mengenangkan watak dan perwatakan yang biadab dan liar dengan ketara, mengutarakan plot dan konflik pergeseran dan pergaduhan yang berleluasa dapat memandu anak muda ke arah pendidikan yang syumul?

Hal ini demikian kerana terdapat penerbit yang tumbuh bagi cendawan membawa elemen yang bobrok dalam masyarakat ke dalam karya yang menyebabkan industri penerbitan buku, iaitu novel remaja agak rapuh daripada sudut keindahan bahasa, akhlak dan iktibar untuk remaja. Kegusaran ini bukan sekadar terhadap tumbuhnya penerbit yang tidak bertanggungjawab menjadikan dunia sastera Melayu sebagai agen kebaikan, kebenaran dan keindahan mengikut garis panduan Islam, bahkan memusnahkan sahsiah anak muda kerana kemaruk dengan bahan-bahan sedemikian berdasarkan bilangan jumlah cetak karya terbabit. Sebagai misalnya, novel yang memaparkan kisah cinta badani yang memuatkan timbunan perkataan “cinta”, “love”, “sayang” dan sebagainya dengan ulangan cetakan yang mencecah lima hingga sepuluh kali. Begitu juga dengan novel yang menelanjangkan isu pembunuhan, pergaduhan dan kekejaman dengan menggunakan bahasa yang kesat dan kasar seperti “sial”, “babi”, “celaka”, “bodoh” dan seumpamanya tercetak sebanyak sepuluh hingga lima belas kali ulangan. Maka, ini bukan sahaja menggusarkan pengkaji sastera Melayu bahkan para ibu bapa yang tanpa sedar terlepas pandang bacaan demikian sampai ke tangan anak-anak mereka.

Musabab itu, peri pentingnya bahan bacaan yang berkualiti bukan sahaja daripada sudut isu dan persoalan bahkan bahasa dan gayabahasa serta iktibar yang dihidangkan pengarang kepada khalayak pembaca. Hal ini sejajar dengan pandangan Islam yang meletakkan amanah yang besar terhadap pengarang agar mengutuskan sesuatu yang bermanfaat kepada pembaca khususnya remaja. Pengarang, karya dan khalayak dikatakan sebagai wasilah kebaikan, kebenaran dan keindahan lebih-lebih lagi dalam arus pendidikan hari ini yang menuntut sahsiah mulia dalam membentuk generasi muda. Justeru, kajian ini akan menelusuri *mau'izah* remaja dengan meneliti novel *Satu Bulan Tiga Bintang* karya Ummu Hani Abu Hassan. Kajian akan meneliti perkembangan novel remaja secara ringkas, memperinci maksud *mau'izah* dalam Islam dan seterusnya menganalisis *mau'izah* dalam novel *Satu Bulan Tiga Bintang*.

PERKEMBANGAN NOVEL REMAJA DI MALAYSIA

Didapati bahawa sesuatu yang menarik apabila novel remaja di Malaysia berkembang dengan pesat. Hal ini demikian kerana kesungguhan para pengarang tanah air yang berusaha untuk menghasilkan karya bagi membawa mesej yang berguna kepada khalayak pembaca. Sementelah pula saban tahun, terdapat pelbagai pancingan penerbit untuk menggalakkan para pengarang berkarya. Seajar dengan itu, faktor perkembangan novel remaja juga berkait rapat dengan perkara berikut:

1. Kesedaran para pengarang menghasilkan karya yang baik untuk dihidangkan kepada pembaca lantaran hari ini juga persaingan novel popular dan novel erotis agak ketara dalam kalangan masyarakat pembaca
2. Kesedaran para penerbit buku tanah air untuk menerbitkan karya-karya yang berkualiti untuk tatapan anak muda. Justeru, antara penerbit yang mementingkan kualiti yang merangkumi tema dan persoalan, bahasa dan gayabahasa dan mesej, iaitu Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Institut Terjemahan Buku Malaysia

(ITBM), Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, PTS Sdn. Bhd, Galeri Ilmu Sdn. Bhd, Telaga Biru Sdn. Bhd dan lain-lain

3. Wujudnya sayembara, peraduan, pertandingan dan hadiah sastera di tanah air. Misalnya Hadiah Sastera Perdana Malaysia (HSPM), Hadiah Sastera Kumpulan Utusan Exxon-Mobil (HSKU), Peraduan Menulis Novel Berunsur Islam, Sayembara Novel Remaja Berunsur Sejarah dan lain-lain.

Berdasarkan tiga faktor di atas jelas memperlihatkan bahawa perkembangan novel remaja di tanah air begitu memberangsangkan. Pelbagai inisiatif yang diperoleh pengarang juga merupakan penggerak kepada kegigihan mereka berkarya. Daripada sisi lain, tumbuhnya bagi cendawan novel-novel remaja yang bersifat popular, bersifat indie, bersifat erotis dan bersifat vulgar sedikit banyak menjadikan pengarang yang memiliki rasa tanggungjawab menulis menghasilkan sesuatu yang bernilai dan membawa perutusan yang bermakna kepada masyarakatnya. Hal ini demikian kerana kesedaran para pengarang terutamanya Muslim tentang tanggungjawab membawa mesej dan iktibar yang muluk-muluk kepada pembaca khasnya anak muda bagi menandingi hal-hal bobrok yang berleluasa kini. Sementelahan sebahagian daripada pengarang ini juga memiliki latar belakang pendidikan daripada bidang pengajian Islam yang sedar tentang usaha dakwah yang turut terjelma menerusi pengkaryaan.

Justeru, kajian ini akan meneliti *mau'izah* remaja dalam novel *Satu Bulan Tiga Bintang* karya Ummu Hani Abu Hassan. Didapati bahawa *mau'izah* yang digagaskan dalam Islam secara umumnya bermaksud membawa nasihat, pengajaran dan peringatan kepada umat manusia diperlihat sesuai ditujukan kepada remaja yang sesungguhnya memerlukan nilai-nilai baik dalam menggulati kehidupannya. Sementelahan hari ini, cabaran mendidik anak remaja begitu mencabar para ibu bapa dalam perkembangan arus dunia sains dan teknologi. Didapati bahawa dengan membaca karya sastera yang jelas membawa iktibar agama dapat menyuluh kehidupan mereka dengan lebih aman dan tenteram. Justeru, bagi memahami sesebuah karya yang baik, latar belakang pengarangnya turut diambil kira. Dalam konteks ini, pengarang yang mempunyai pendidikan agama dan menuntut dalam jurusan agama serta prolifik berkarya atas nama nilai Islam jelas memperlihatkan unsur nasihat, pengajaran dan peringatan tentang agama dalam karya.

Maka, makalah ini telah memilih pengarang Ummu Hani sebagai kajian bagi menunjukkan kesesuaian daripada sudut bahan analisis, dapatan dan penemuan. Hal ini demikian kerana pengarang anak kelahiran Kedah ini mendapat pendidikan agama sejak sekolah rendah, menengah sehingga ke peringkat Ijazah Sarjana Muda dan Ijazah Sarjana Sastera. Malahan, penglibatannya dalam dunia pendidikan makin ketara apabila menyambung pengajian ke peringkat Ijazah Doktor Falsafah dan turut meneliti sastera Melayu Islam-Islam sebagai teras kajian. Oleh yang demikian, paparan nasihat, pengajaran dan peringatan yang dibawa Ummu Hani dalam novel *Satu Bulan Tiga Bintang* didapati sesuai sebagai bahan hidangan remaja, dan ini disorot menerusi *mau'izah* yang digagaskan dalam perspektif Islam.

MAU'IZAH DALAM PERSPEKTIF ISLAM

Didapati bahawa *mau'izah* merupakan satu pendekatan atau cara berdakwah dalam Islam. Perkataan *mau'izah* berasal daripada perkataan *wa'adza ya'idzu-wa'adzan-idzatan* yang bermaksud: nasihat, bimbingan, pendidikan, peringatan.¹ Selain itu, *mau'izah* turut

dikatakan sebagai suatu usaha menyampaikan kebaikan dengan bahasa yang baik, dapat diterima, berkenan di hati, menyentuh perasaan, lurus fikiran, menghindari sikap kasar, dan tidak mencari atau menyebut kesalahan audiens.² Oleh itu, *mau'izah* dapat diperincikan sebagaimana penjelasan berikut:

- (1) pelajaran dan nasihat yang baik, berpaling dari hal perbuatan jelek melalui *tarhib* dan *targhib* (dorongan dan motivasi); penjelasan, keterangan, gaya bahasa, peringatan, peturut, teladan, pengarahan dan pencegahan dengan cara halus
- (2) *Bi al-mauizhah al-hasannah* adalah melalui pelajaran, keterangan, peturut, peringatan, pengarahan dengan gaya bahasa yang mengesankan dalam nurani
- (3) Dengan bahasa dan makna simbol, alamat, tanda, janji, penuntun, petunjuk, dan dalil-dalil yang memuaskan melalui *al-qaul al-rafoq* (ucapan lembut dengan penuh kasih sayang)
- (4) Dengan kelembutan hati menyentuh jiwa dan memperbaiki peningkatan amal
- (5) Melalui suatu nasihat, bimbingan dan arahan untuk kemaslahatan. Dilakukan dengan baik dan penuh tanggungjawab, akrab, komunikatif, mudah dicerna dan terkesan di hati sanubari *mad'u*
- (6) Suatu ungkapan dengan penuh kasih sayang yang dapat terpatri dalam kalbu, penuh kelembutan sehingga terkesan dalam jiwa, tidak melalui cara pelanggaran dan pencegahan., mengejek, melecehkan, menyudutkan atau menyalahkan, dapat meluluhkan hati yang keras, menjinakkan kalbu yang liar
- (7) Dengan tutur kata yang lemah lembut, pelan-pelan, bertahap, dan sikap kasih sayang dalam konteks dakwah, dapat membuat seseorang merasa dihargai kemanusiaannya sehingga dapat merespon positif dari *mad'u*.³

Malah menerusi al-Quran banyak surah yang memperkatakan tentang *mau'izah* bagi memberi peringatan dan pengajaran kepada umat-Nya. Antaranya surah al-Baqarah Ayat 66 dan 275, surah al-Imran ayat 138, surah al-Maidah ayat 46, surah al-A'raf ayat 57, surah an-Nahl ayat 125 dan surah an-Nur ayat 34. Secara penjelasannya dapat diperhatikan menerusi surah al-Baqarah ayat 66 sebagaimana terjemahan ini: “Maka Kami jadikan apa yang berlaku itu sebagai suatu hukuman pencegahan bagi umat-umat yang ada pada masa itu dan umat-umat yang datang kemudian, serta menjadi suatu **pengajaran** bagi orang yang hendak bertakwa.”

Selain itu, dalam surah al-Imran ayat 138 turut mengagaskan tentang *mau'izah* sebagaimana terjemahan berikut: “Al-Quran ini menjadi penerangan kepada seluruh umat manusia dan petunjuk serta **pengajaran** bagi orang yang hendak bertakwa.” Surah al-Maidah ayat 46 sebagaimana terjemahan berikut: “Kami utuskan ‘Isa Ibn Maryam mengikut jejak langkah mereka (nabi Bani Israel) untuk membenarkan kitab Taurat yang diturunkan sebelumnya dan Kami telah berikan kepadanya Kitab Injil, yang mengandungi petunjuk dan cahaya yang menjelaskan hukum-hukum, serta mengesahkan kebenaran apa

yang telah ada di hadapannya daripada kitab Taurat, serta menjadi petunjuk dan **nasihat pengajaran** bagi orang yang bertakwa.”

Surah al-A’raf ayat 52 sebagaimana terjemahan ini: “Sesungguhnya Kami telah datangkan kepada mereka sebuah Kitab (al-Quran) yang Kami telah jelaskannya secara terperinci, berdasarkan pengetahuan (Kami yang meliputi segala-galanya), untuk menjadi **hidayah dan rahmat** bagi orang yang (mahu) beriman.” Surah an-Nahl yang jelas memperlihatkan kepentingan *mau’izah* dalam kehidupan seseorang, hal ini sebagaimana terjemahan ayat 125 berikut: “Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmah (kebijaksanaan) dan **nasihat pengajaran** yang baik dan berbahaslah dengan mereka dengan cara yang terbaik, sesungguhnya Tuhanmu Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat daripada jalan-Nya dan Dialah juga yang lebih mengetahui akan orang yang mendapat hidayah.” Surah an-Nur ayat 34, iaitu: “Sesungguhnya Kami telah menurunkan kepada kamu, ayat-ayat yang memberi penjelasan dan contoh teladan (kisah-kisah dan berita) orang yang telah lalu sebelum kamu dan **nasihat pengajaran** bagi orang yang (mahu) bertakwa.”

Oleh yang demikian berdasarkan contoh terjemahan beberapa surah yang dikemukakan jelas memperlihatkan bahawa *mau’izah* telah diperkatakan dalam al-Quran. Pengutaraan yang memperincikan tentang nasihat, peringatan dan pengajaran ditampilkan bagi memperkuuh unsur dakwah dan pendidikan dalam *mau’izah* demi pembangunan sahsiah khalifah di muka bumi dan kemaslahatan masyarakat sejagat.

MAU’IZAH DALAM NOVEL SATU BULAN TIGA BINTANG

(a) Ungkapan

Berdasarkan novel, pengarang mengemukakan ungkapan yang dapat mendidik hati pembaca khususnya generasi muda ke arah nilai-nilai murni dalam kehidupan. Hal ini dapat diperhatikan menerusi bahasa dan gayabahasa yang ditampilkan Ummu Hani Abu Hassan dalam novel setebal 179 halaman tersebut. Dengan garapan bahasa dan gayabahasa yang indah dapat menyentuh perasaan pembaca bukan sahaja ditujukan kepada generasi muda kerana novel ini bersifat remaja bahkan turut menyuntik rasa kemanusiaan dan keinsafan terhadap pembaca dewasa. Hal ini dapat diperhatikan sebagaimana contoh berikut:

“Hari ini cahaya hidup saya pergi tanpa meminta izin. Baharulah saya tahu bahawa cahaya itu bahkan apa-apa yang saya ada pun adalah milik Allah. Dia maha berkuasa pada setiap sesuatu, yang hidup mahupun tidak. Ibu adalah sebahagian milik Allah. Saya akui itu. Tetapi air mata saya tidak dapat disabarkan. Ia tidak kering kerana cahaya yang menyinarinya telah tiada. Ibu!”

(Ummu Hani Abu Hassan, *Satu Bulan Tiga Bintang*, hlm. 1-2)

Berdasarkan ungkapan “cahaya hidup” yang merujuk kepada allahyarhamah ibu watak utama, Umairah dan ungkapan “ibu adalah sebahagian milik Allah” dapat membawa nasihat, peringatan dan pengajaran kepada pembaca khususnya remaja tentang keutamaan menghargai, mencintai dan menyayangi manusia yang telah melahirkan manusia di muka

bumi ini. Selain itu, novel ini turut mengungkapkan bahasa dan gayabahasa yang indah yang dapat menerbitkan rasa nasihat, peringatan dan pengajaran tentang kematian. Pengarang menampilkan watak seorang ibu yang memiliki keyakinan yang tinggi pada Islam dan kepercayaan yang kukuh tentang urusan ajal dan maut. Pendirian ibu yang yakin dan percaya kepada ketentuan Tuhan dalam urusan kehidupan dan kematian telah digalurkan pula kepada anak remajanya, iaitu Umairah dengan cara yang lunak dan hikmah. Justeru, berdasarkan ungkapan dengan bahasa dan gayabahasa yang dikemukakan pengarang dapat membawa perutusan *mau'izah* dalam kehidupan beragama terhadap pembaca khususnya anak muda.

“Sayang, kita tidak dapat mengubah jadual Tuhan. Sekalipun ibu berusaha untuk setia di sisi kalian, kalau Allah memanggil ibu, kalau Rasulullah SAW menawarkan tempat bersama baginda di sana, ibu lebih memilih Allah dan Rasul, nak. Itu kewajipan kita sebagai manusia iaitu mencintai Allah dan Rasul-Nya lebih daripada yang lain.” Ibu bersuara yakin. Ketika menyebut cinta kepada Allah dan Rasulullah SAW, suara ibu bergetar penuh pengharapan.

(Ummu Hani Abu Hassan, *Satu Bulan Tiga Bintang*, hlm. 5)

Cara penyampaian yang berhemah dan berhikmah dalam mendidik anak-anak menerusi ungkapan yang menyentuh perasaan menerusi novel dapat diperhatikan dalam *Satu Bulan Tiga Bintang*. Pengarang mengutarkan dialog yang sarat dengan nasihat, pengajaran dan peringatan dalam menyampaikan mesej kepada pembaca. Cara seorang ibu yang mempunyai kemahiran dalam mengasuh dan mendidik agar menjadi anak solehah dan beriman dalam novel telah dapat menawarkan *mau'izah* kepada pembaca. Novel ini mengungkapkan barisan dialog yang menyuntik rasa keinsafan dan keinsanan antara seorang ibu dengan seorang anak dalam galur perhubungan bagi sebuah keluarga yang harmoni. Pengarang mengusulkan ungkapan “anak yang solehah”, “sayang” setiap kali ibu mengatur kata dengan anak-anak merupakan elemen nasihat, pengajaran dan peringatan terhadap pembaca dalam situasi kekeluargaan.

“Om, jadilah anak yang solehah,” ulangnya lagi. Saya tidak terkata. Pesanan itu sangat sebatи dan selalu. Kepada Allah saya memohon kekuatan untuk menjadi anak seperti yang dimahukan ibu; anak solehah!

“Bukan sahaja bijak dalam pelajaran, tetapi berkelakuan baik pada semua orang. Anak solehah mesti kuat jiwanya dan tahan segala cabaran. Paling penting mentaati segala perintah Allah dan Rasulullah SAW. Boleh, sayang?” Ibu kembali merenung dan menatap mata saya...

(Ummu Hani Abu Hassan, *Satu Bulan Tiga Bintang*, hlm. 5-6)

Selain ungkapan bahasa dan gayabahasa yang dikemukakan menerusi dialog antara anak dengan ibu, pengarang turut menampilkan kata-kata inspirasi dan motivasi terhadap pembaca. Berdasarkan *Satu Bulan Tiga Bintang*, beberapa simbol seperti “bintang” dan “bulan” dikenangkan pengarang bagi merangsang jiwa anak-anak remaja terhadap rasa cinta dan kasih-sayang terhadap ibu masing-masing. Dalam novel ini walaupun ibunya telah meninggal dunia, namun rasa cinta dan kasih-sayang anaknya, Umairah tetap kekal terpahat dalam dirinya malahan berusaha untuk menjadi anak yang solehah bagi memenuhi hasrat ibunya. Ungkapan nasihat, pengajaran dan peringatan yang dapat menyuntik rasa cinta dan kasih-sayang anak-anak remaja terhadap seseorang ibu jelas dirakam pengarang berdasarkan ungkapan “mahu menjadi seorang remaja yang tabah”, dan “ketabahan, kegigihan dan kehangatan kasih sayang ibu sepanjang hidupnya akan saya jadikan azimat meredah usia kehidupan”. Ungkapan dengan bentuk hemah dan hikmah telah memperlihatkan suntikan inspirasi dan motivasi terhadap pembaca khususnya remaja untuk menjadi manusia yang bermanfaat kepada masyarakat dan agama.

*Saya menutup tingkap, melepaskan bintang-bintang terus menceriakan malam. Saya harus kuat untuk menceriakan hidup saya sendiri. Besok akan hadir dan saya berjanji **mahu menjadi seorang remaja yang tabah**. Walaupun ibu hilang dari pandangan kami, ibu tetap hidup di hati kami semua. **Ketabahan, kegigihan dan kehangatan kasih sayang ibu sepanjang hidupnya akan saya jadikan azimat meredah usia kehidupan.***

(Ummu Hani Abu Hassan, *Satu Bulan Tiga Bintang*, hlm. 11)

(b) Perbuatan

Dalam konteks mendidik dan berdakwah, kepentingan perbuatan dalam memperlihatkan *mau’izah* terhadap remaja menjadi suatu perkara asas yang perlu dilakukan dengan kesungguhan. Hal ini demikian kerana perbuatan menerusi perlakuan mulia dapat menyuntik perasaan anak muda untuk turut bersifat luhur dalam pergaulan sehari-hari. Sehubungan itu, perbuatan menerusi nasihat, pengajaran dan peringatan amat dituntut dalam mendidik dan berdakwah yang dijadikan tunjang terhadap pembentukan sahsiah dan keperibadian luhur anak-anak.

Berdasarkan novel *Satu Bulan Tiga Bintang*, dengan sisipan plot yang menunjukkan perbuatan mulia yang diajukan ibu atau ayah atau orang dewasa terhadap anak remaja dapat menghantar iktibar yang bermanfaat kepada pembaca. Misalnya garapan watak Abah yang santun dalam perbuatan dengan menghantar Umairah atau nama manjanya “Om” dalam keluarga ke sekolah dapat menyemat rasa kebahagiaan dalam diri anaknya. Pengarang menampilkan perbuatan Abah yang melunasi tanggungjawab dengan sempurna walaupun kematian isteri dapat menyerlahkan keperibadian seorang lelaki dan suami yang berwibawa dalam mengurus anak remaja. Pengutaraan sifat anak perempuannya, Umairah yang merasa senang dan selesa terhadap perbuatan ayahnya yang menghantarnya ke sekolah saban hari malahan menuturkan kata-kata yang baik, iaitu “Om, baik-baik di sekolah ya sayang” dapat menyuntik semangat anak remaja dengan *mau’izah* dalam pendidikan dan dakwah.

Pukul satu Abah ambil Om,” kata Abah. Keretanya diparkirkan di hadapan pintu pagar sekolah. Para pelajar berjejeran masuk ke bangunan kelas, ada yang seperti saya, diantar Ibu bapa. Tangan Abah saya raup dan kucup. Abah kemudian menepuk kepala saya dan bersedia untuk bergerak semula.

“Om, baik-baik di sekolah ya sayang,” pesan Abah sebelum beredar. Saya berdiri tegak, cuba mengambil nafas pagi...

(Ummu Hani Abu Hassan, *Satu Bulan Tiga Bintang*, hlm. 15)

Selain daripada menampilkan keperibadian Abah dan Ibu dalam perbuatan menyampaikan nasihat, pengajaran dan peringatan dalam keluarga, novel ini turut mengemukakan sahsiah pendidik di sekolah. Pengarang mengenengahkan watak Ustazah Nuridah sebagai seorang pendidik yang prihatin terhadap anak-anak remaja dengan perbuatannya yang tanpa jemu menasihati dengan penuh berhemah dan berbudi bahasa. Dalam konteks ini, didapati bahawa Ustazah Nuridah menggunakan kebijaksanaannya dalam mendidik anak muda menerusi kata-kata indah dan perbuatan yang menyenangkan anak didik. Usaha Ustazah Nuridah membimbing anak remaja dengan memuji golongan anak perempuan tersebut dengan kias ibarat dan santun memperlihatkan perbuatan yang dipandang mulia dalam Islam. Maka ini jelas menunjukkan bahawa kaedah nasihat, pengajaran dan peringatan dimanfaatkan pengarang dalam novel ini sebagaimana contoh perbuatan berikut:

“Ustazah bahagia anak-anak murid Ustazah cantik seperti mawar. Tetapi ustazah cemburu apabila kecantikan itu tidak dibaluti bungkusan indah. Bukankah sesuatu yang cantik jika dibalut dan dibungkus kemas itu lebih mahal?” kata Ustazah Nuridah.

(Ummu Hani Abu Hassan, *Satu Bulan Tiga Bintang*, hlm. 51)

(c) Tindakan

Dalam merealisasikan *mau’izah*, elemen tindakan turut memainkan peranan utama dalam kehidupan manusia bagi mencapai tahap keberkesanannya dalam masyarakat. Tindakan seseorang dalam menyampaikan perutusan kebaikan menerusi *mau’izah* memperlihatkan usaha pengarang yang patut dipuji dalam pendidikan anak remaja. Hal ini demikian kerana tindakan memperlihatkan usaha yang terpuji dan pantas dilakukan para da’ie dalam menghantar mesej nasihat, peringatan dan pengajaran kepada sasaran dakwahnya, iaitu golongan anak muda.

Sehubungan itu, berdasarkan novel *Satu Bulan Tiga Bintang* mengemukakan pelbagai tindakan yang dilakukan oleh watak utama atau sampingan bagi menyerlahkan *mau’izah* dibangunkan pengarang. Watak Ustazah Nuridah ditampilkan dengan perwatakan mulia sejajar dengan peranannya sebagai seorang “guru agama” dalam usaha mendidik anak remaja dengan nilai-nilai luhur. Bagi menyempurnakan tanggungjawabnya sebagai seorang pendidik dalam bidang agama, Ustazah Nuridah diketengahkan sebagai seorang da’ie yang tekun dalam tindakan membimbing anak muda. Diperhatikan kesanggupan Ustazah

Nuridah memberikan kata-kata semangat, nasihat, pengajaran dan peringatan kepada Umairah, anak remaja yang baharu kematian ibunya. Menerusi perbincangan secara hemah dengan memanggil Umairah ke bilik guru, Ustazah Nuridah dapat menyelami kedukaan remaja tersebut yang baru kematian ibunya. Oleh itu, tindakan Ustazah Nuridah terhadap anak remaja terbabit dilihat sebagai suatu usaha *mau'izah* dalam mendidik anak gadis itu menjadi anak solehah. Justeru, novel ini telah menghadirkan tindakan yang jelas diperlukan dalam unsur nasihat, peringatan dan pengajaran untuk khalayak pembaca dan remaja.

“Anak solehah ni peranannya amat besar. Dia menjadi contoh dan kekuatan kepada orang lain,” kata Ustazah Nuri. Saya mengerutkan dahi. Apakah tujuan sebenar Ustazah Nuri memanggil saya ke bilik guru? Adakah sekadar mahu bertanyakan matlamat saya menjadi anak solehah? Ah! Mungkin ada sesuatu yang lain.

“Om, ketika orang lain ditimpa musibah, anak yang solehah akan matang menghadapinya. Dia tidak akan terjerumus dengan emosi bahkan memperbanyakkan sabar. Misalnya, jika kawan-kawan diserang hysteria, anak solehah tak akan menjerit macam orang lain, dia akan baca al-Quran dan menenangkan kawan-kawannya. Betul tak?” Tanya Ustazah Nuridah. Saya mengangguk.

(Ummu Hani Abu Hassan, *Satu Bulan Tiga Bintang*, hlm. 18)

Selain menampilkan watak dan perwatakan Ibu, Abah dan Ustazah Nuridah sebagai sosok utama dalam tindakan mengemukakan *mau'izah* dalam novel *Satu Bulan Tiga Bintang*, keperibadian Nenek, iaitu ibu kepada allahyarham emak Umairah turut diketengahkan pengarang. Didapati bahawa Nenek menjadi kekuatan Umairah dalam memulakan fasa sebagai anak perempuan tunggal dalam keluarga setelah kematian ibunya. Menerusi tindakan Nenek yang memuji usaha Umairah memasak dan menyediakan menu yang diajarnya dengan jaya telah mengutuskan *mau'izah* terhadap anak gadis terbabit. Tindakan Nenek membimbang cucunya untuk menjadi gadis yang dapat melaksanakan urusan rumahtangga walaupun masih remaja dengan cara hemah dan hikmah telah membawa nasihat, peringatan dan pengajaran yang berguna terhadap khalayak pembaca.

“Om, Nenek tak sangka Om ni cepat belajar. Betul macam arwah Ibu Om dulu. Bertuahlah Abah dapat seorang anak perempuan macam Om ni,” kata Nenek . Dia mula menyuap nasi menggunakan sudu. Saya hanya memerhatikan nenek. Selera saya menjadi penuh dengan penghargaan Nenek.

(Ummu Hani Abu Hassan, *Satu Bulan Tiga Bintang*, hlm. 46)

PENUTUP

Berdasarkan novel *Satu Bulan Tiga Bintang* jelas memperlihatkan bahawa *mau'izah* remaja dibangunkan pengarang dalam karyanya ini. Garapan *mau'izah* remaja dikemukakan pengarang berdasarkan ungkapan, perbuatan dan tindakan yang dilakukan oleh watak dan perwatakan dalam novel. Keperibadian allahyarhamah Ibu, Abah, Ustazah Nuridah dan Nenek yang santun, berhemah dan berhikmah dalam menggalurkan kata-kata merupakan *mau'izah* yang bermanfaat kepada anak muda. Hal ini demikian kerana secara fitrah, manusia senang dan selesa dengan cara nasihat, peringatan dan pengajaran yang lunak dan berhemah dalam mendidik menjadi khalifah yang budiman dan sempurna. Malahan hal ini dituntut dalam agama lantaran pendidikan memerlukan bimbingan dan asuhan yang menggalurkan ciri-ciri sabar, ikhlas dan tenang. Sementelahan ianya sejajar dengan usaha penggembangan dakwah yang ditetapkan dalam Islam bahawa terdapat usaha yang terpuji yang sewajarnya dilakukan pendakwah.

Oleh yang demikian, jelas menunjukkan bahawa Ummu Hani Abu Hassan yang memiliki pengalaman sebagai anak muda, dan pengetahuan tentang disiplin ilmu bidang dakwah dalam pengajiannya berusaha menampilkannya sebagai *mau'izah* remaja buat khalayak pembaca. Novel *Satu Bulan Tiga Bintang* walaupun tidak dinobatkan sebagai pemenang sama ada hadiah, sayembara, peraduan atau pertandingan sastera, namun tetap mengungkapkan nilai-nilai murni yang diperlukan manusia sejagat. Didapati bahawa ujaran menampilkannya nilai-nilai murni sebagai sandaran dakwah dalam masyarakat sangat dititik beratkan dalam semua aspek kehidupan. Maka hal inilah yang ditukangi pengarang dalam novel remajanya bagi mendidik anak muda ke arah keagamaan yang syumul walau dikekang dengan ledakan teknologi dan globalisasi.

NOTA HUJUNG

¹ M. Munir, 2006. *Metode Dakwah*, Jakarta: Kencana, hlm.15

² Muhammad Hizbulah, 2014. "Konsep Mau'izhah Hasanah dalam Al-Qur'an", *Tesis Sarjana Komunikasi*, Jakarta: Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah, hlm. i

³ Asep Muhibdin, 2002. *Dakwah dalam Perspektif al-Qur'an*, Bandung: Pustaka Setia, hlm.165-166

BIBLIOGRAFI

- Al-Qur'an Mushaf Malaysia dan Terjemahan*. 2007. Shah Alam: Yayasan Restu.
Asep Muhibdin, 2002. *Dakwah dalam Perspektif al-Qur'an*. Bandung: Pustaka Setia.
M. Munir, 2006. *Metode Dakwah*, Jakarta: Kencana.
Muhammad Hizbulah, 2014. *Konsep Mau'izhah Hasanah dalam Al-Qur'an*, Tesis Sarjana Komunikasi, Jakarta: Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah.
Ummu Hani Abu Hassan. 2009. *Satu Bulan Tiga Bintang*. Kuala Lumpur: Galeri Ilmu Sdn. Bhd.